

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 44

RUANGAN : SETEMPAT

## Tingkat kawalan di Samarahan

**Georgetown:** Penguatkuasaan kesihatan dan kawalan penyakit anjing gila atau rabies di Samarahan, Sarawak dipertingkatkan susulan kes pertama penyakit itu yang membabitkan kanak-kanak lelaki di kawasan terbabit, kelmarin.

Menteri Kesihatan Datuk Seri S Subramaniam berkata, mangsa berusia tujuh tahun itu kini dirawat di Hospital Umum Sarawak di Kuching dan dalam keadaan kritikal.

Katanya, mangsa dilaporkan pernah digigit anjing bulan lalu didapati positif rabies selepas menjalani ujian darah dan mendapat suntikan vaksin antirabies.

"Ini kes keenam di Sarawak dan yang pertama berlaku di Samarahan. Justeru, kami terus melakukan kawalan bagi mencegah penularan penyakit anjing gila.

"Kementerian mengenal

pasti anjing yang dijangkiti rabies di Sarawak dan tindakan lanjut diambil Jabatan Perkhidmatan Veterinar," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Peranti Perubatan Antarabangsa 2017 di Bukit Jambul, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengarah Kesihatan Pulau Pinang Datuk Dr M Sukumar.

Sejak April hingga Julai lalu, lima kes kematian dilaporkan akibat jangkitan rabies di Serian, Sarawak manakala tiga kanak-kanak masing-masing seorang di Melaka dan dua di Perak yang disyaki mengalami simptom berkenaan disahkan negatif rabies.

“  
Ini kes keenam di Sarawak dan yang pertama di Samarahan. Justeru, kami terus melakukan kawalan bagi mencegah penularan penyakit ini”

Subramaniam

